



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Wanita rugi RM387,000 ditipu

Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 10 April 2020

Section: Wilayah  
Page: 21

*Macau Scam*

# Wanita rugi RM387,000 ditipu

Mangsa terima panggilan individu menyamar polis trafik

Oleh Nurul Amanina Suhaini  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Johor Bahru:** Seorang wanita tempatan kerugian sebanyak RM387,000, selepas ditipu individu menyamar sebagai polis trafik menerusi panggilan telefon.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob

Khan Mydin Pitchay, berkata pihaknya menerima laporan polis penipuan Macau Scam yang dibuat semalam, kira-kira jam 11.48 pagi berhubung insiden itu.

Katanya, mangsa berusia 38 tahun yang juga guru sekolah rendah menerima panggilan telefon daripada suspek pada 4 Februari lalu, memaklumkan mangsa terbabit dengan kes langgar lari.

“Modus operandi suspek ialah mengarahkan mangsa membuka akaun bank yang baharu atas nama mangsa, bertujuan meyakinkannya bahawa urusan transaksi adalah ‘selamat’.

“Mangsa juga diarahkan mendaftar nombor telefon yang tidak dikenali (untuk aktifkan perban-

kan internet) atas akaun bank yang baharu dibuka, bertujuan ‘mengawal’ akaun bank yang dibuka oleh mangsa.

“Mangsa kemudian turut diarah memindahkan semua wang ke dalam akaun bank mangsa yang baharu dibuka,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Ayob Khan berkata, mangsa turut diarah supaya merahsiakan daripada keluarga dan kawan-kawan.

“Suspek mengarahkan mangsa untuk memadamkan perbualan dalam aplikasi WhatsApp dan menghapuskan slip bank yang berkaitan bagi menghilangkan bukti dan keterangan.

“Mangsa tidak menyedari ‘ke-

hilangan’ wang dalam akaun bank kerana suspek ‘mengawal’ akaun bank mangsa melalui perbankan internet.

“Mangsa dalam kes ini mengalami kerugian sebanyak RM387,000 iaitu dipercayai daripada duit simpanannya dan pinjaman peribadi.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan, jika sabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman maksimum 10 tahun penjara, sebatan dan denda,” katanya.

Beliau berkata, polis Johor sudah berulang kali menasihatkan orang awam supaya tidak terpedaya dengan penipuan Macau Scam dan tidak panik apabila me-

nerima panggilan sebegini.

“Jangan mudah percaya dakwaan yang diterima melalui panggilan telefon. Jangan sekali memberikan maklumat peribadi mahupun maklumat akaun bank kepada orang tidak dikenali.

“Pihak keselamatan seperti polis tidak akan sesekali meminta butiran akaun bank dan maklumat peribadi mangsa.

“Kita juga menasihatkan orang awam untuk menyemak laman web [www.ccid.rmp.gov.my/semak-mule](http://www.ccid.rmp.gov.my/semak-mule) bagi mengenal pasti sama ada akaun bank itu terbabit dengan kes penipuan atau menghubungi balai polis berhampiran,” katanya.